

11 MAY 2001

G-77-kerjasama

MALAYSIA DAN CUBA SETUJU MAIN PERANAN TINGKATKAN G-77

PUTRAJAYA, 11 Mei (Bernama) -- Malaysia dan Cuba hari ini bersetuju memainkan peranan yang dapat menyumbang ke arah meningkatkan Kumpulan 77 bagi membolehkannya menjadi kumpulan negara membangun yang lebih dihormati.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Cuba Fidel Castro, semasa pertemuan satu jam mereka, bersetuju bahawa terdapat keperluan bagi kedua-dua negara memainkan peranan sedemikian bagi membolehkan suara dunia ketiga didengari dalam hal ehwal dunia.

"Ini terutamanya berhubung dengan dunia yang lebih adil, sistem ekonomi dan kewangan serta negara-negara perdagangan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat delegasi antara Malaysia dan Cuba, yang masing-masing diketuai Dr Mahathir dan Castro, di Jabatan Perdana Menteri di sini, hari ini.

Malaysia dan Cuba adalah anggota G-77, sebuah organisasi yang dianggotai hampir 100 negara membangun dan negara ketiga sejak itubuhkan oleh bekas Presiden Tanzania Julius Nyerere pada 1964.

Syed Hamid berkata Malaysia dan Cuba juga bersetuju bahawa kedua-dua negara harus mengadakan lebih banyak kerjasama dalam bidang penyelidikan, pertanian, projek perubatan dan pelancongan.

Beliau berkata terdapat kekurangan dalam mendapatkan semua negara membangun untuk berszama-sama mengemukakan pandangan mereka dan akibatnya negara-negara membangun sering dipinggirkan.

"Dr Mahathir dan Castro telah berbincang untuk menubuhkan sebuah kumpulan kecil yang berperanan sebagai pusat penyelidikan bagi membolehkannya mendapatkan pandangan negara-negara selatan," katanya sambil menjelaskan bahawa perkara itu telah diputuskan pada Sidang Kemuncak Selatan di Havana tahun lepas.

Bagaimanapun, Syed hamid berkata pembentukan pusat penyelidikan itu ditangguhkan kerana terdapat dua pendapat berbeza di kalangan anggota G-77 dengan satu kumpulan mahukan Pusat Selatan sedia ada ditukar menjadi pusat penyelidikan itu manakala satu lagi mahu sebuah kumpulan kecil berperanan sebagai pusat penyelidikan.

"Dalam hubungan ini, Dr Mahathir berkata kita perlukan lebih banyak kumpulan kecil untuk berperanan sebagai pusat penyelidikan dan dengan ini, G-77 akan mempunyai lebih keupayaan untuk mempengaruhi sistem ekonomi dunia," katanya.

Syed Hamid juga berkata Malaysia dan Cuba hari ini menandatangani satu perjanjian dua hala mengenai ekonomi, teknikal dan saintifik, satu rangka kerja bagi kerjasama antara kedua-dua negara.

"Dengan perjanjian itu dan perjanjian lain yang kita tandatangani dengan Cuba, ia menunjukkan bahawa kami serius untuk bekerja lebih gigih berbanding apa yang kami alami sekarang."

Perjanjian itu ditandatangani sejurus selepas berakhirnya mesyuarat dua hala Dr Mahathir dan Castro diikuti oleh satu mesyuarat delegasi antara kedua-dua negara itu.

Malaysia diwakili oleh Syed Hamid, manakala rakan sejawatannya dari Cuba Felipe Perez Roque menandatangani bagi pihak kerajaan Cuba. Ia disaksikan oleh Dr Mahathir dan Castro.

Syed Hamid berkata Malaysia juga memberikan satu lagi skim kredit minyak sawit sebanyak AS\$15 juta kepada Cuba untuk membeli minyak sawit dari Malaysia selepas mereka menggunakan AS\$10 juta di bawah skim serupa

sebelum ini.
-- BERNAMA
AT ZS NAK